

## Media item

## Full Text

---

**MYSA sedia imej satelit di kawasan bencana**

Berita Harian, Malaysia by No author available

21 Dec 2021

Nasional - Page 0 - 302 words - ID my0046467705 - Photo: No - Type: -

Size: 339.00cm<sup>2</sup>

MYSA sedia imej satelit di kawasan bencana Kuala Lumpur: Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) menyediakan imej satelit kawasan yang dilanda banjir di seluruh negara bagi pelbagai tujuan pengurusan sebelum dan pasca bencana. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata usaha sedemikian dilakukan secara berterusan mulai Jun lalu sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh dan membantu persediaan agensi pengurusan bencana. Selain itu, beliau berkata, penyaluran maklumat yang berupaya diakses menerusi dalam talian berkenaan bertujuan membolehkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) merancang langkah siap siaga dan melakukan pemantauan bencana. "Sistem atas talian yang dimaksudkan adalah Sistem Maklumat dan Logistik Banjir berteraskan Teknologi Angkasa, Sistem Maklumat Geografi, Sistem Penentuan Global serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)." Ia dibangunkan dan dioperasikan dengan usaha sama Pusat Kawalan Bencana Negara di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara. "Seperti kita maklum, beberapa kawasan di Selangor terjejas teruk akibat banjir, contohnya Seksyen 24, Shah Alam, Selangor dan cerapan imej satelit sebelum serta selepas menunjukkan keluasan litupan banjir adalah kira-kira 5.1 kilometer persegi di kawasan terbabit. "Ini antara contoh maklumat yang dapat diperolehi agensi pengurusan bencana untuk kegunaan pemulihan pasca banjir," katanya menerusi kenyataan, semalam. Dr Adham berkata, MYSA turut menyediakan imej satelit sebelum dan selepas bencana bagi tujuan perancangan, pemantauan, mitigasi serta memberikan analisis pasca bencana bagi kawasan terbabit. Selain imej satelit, katanya, pasukan dron khas MYSA digerakkan untuk memantau kawasan banjir dan mengumpul maklumat. Imej satelit di kawasan dilanda banjir di Selangor, serta imej dengan kebenaran. "Sehingga hari ini (semalam), MYSA secara berterusan mendapatkan imej satelit terkini berkaitan bencana. "MYSA komited untuk terus bekerjasama dengan agensi kerajaan yang memerlukan maklumat cerapan imej satelit khususnya bagi usaha pemulihan bencana banjir," katanya. Untuk rekod, beliau berkata, MYSA melaksanakan peranan dalam pengurusan bencana negara seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran hutan iaitu selaras Pelan Tindakan Operasi Pengendalian Bencana di bawah Arahan MKN20.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of iSentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. iSentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.